Abd Razak bin Ahmad dan satu lagi lwn Shahidan bin Abd Wahab dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (TAIPING) — RAYUAN SIVIL NO 12BNCVC-34–8 TAHUN 2012
AHMAD NASFY PK
10 APRIL 2013

Ganti rugi — Penilaian — Rayuan — Rayuan terhadap kuantum dan liabiliti — Kemalangan motolori — Sama ada penemuan fakta oleh hakim mahkamah sesyen ('HMS') betul — Sama ada HMS tersalah arah — Sama ada award munasabah

Kemalangan telah berlaku antara motolori perayu-perayu ('plaintif-plaintif') dengan motolori responden-responden ('defendan-defendan'). Ketika kejadian, plaintif pertama ('SP2') mengekori motolori defendan dari belakang dalam jarak lebih kurang 40–50 kaki. Motolori defendan telah membrek dan berhenti tetapi SP2 tidak nampak lampu brek defendan kerana motolori defendan terselindung oleh muatan paip konkrit yang panjang yang diangkutnya. SP2 terus menekan brek tetapi tidak sempat mengelak lalu terlanggar bahagian belakang motolori defendan. Akibatnya, motolori plaintif remuk di bahagian hadapan. Plaintif menghujahkan bahawa akibat motokar polis yang dipandu oleh SD2 yang berundur, motolori defendan pertama telah membrek secara tiba-tiba dan motolori plaintif yang mengekori dari belakang motolori defendan pertama turut membrek. Oleh kerana muatan paip konkrit di atas motolorinya berat dan panjang, maka muatan tersebut menolak motolori ke hadapan menyebabkannya berlanggar dengan bahagian belakang motolori defendan. Justeru, plaintif-plaintif menghujahkan bahawa kemalangan ini disebabkan oleh kecuaian defendan pertama dan ketiga. Rayuan ini adalah berkaitan penemuan fakta oleh Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') yang didakwa telah tersalah arah dalam membuat dapatan fakta. Plaintif-plaintif merayu terhadap liabiliti dan kuantum yang diawardkan oleh HMS.

Diputuskan, menolak rayuan dengan kos sebanyak RM2,000:

(1) Rayuan plaintif-plaintif atas liabiliti ditolak. Dapatan fakta HMS mendapati plaintif pertama cuai sepenuhnya adalah betul dan tidak wajar diganggu. HMS membuat dapatan fakta bahawa oleh kerana keadaan sekeliling di tempat kejadian terang, dakwaan plaintif pertama bahawa dia tidak nampak lampu brek motolori defendan dan tidak perasan motolori defendan berhenti di hadapan menunjukkan plaintif pertama kurang berhati-hati dan memandu terlalu rapat dengan

motolori defendan. Keterangan defendan pertama bahawa jarak mula-mula dia nampak akan motokar polis lebih kurang 100 meter telah tidak dicabar. Oleh itu, keterangan defendan pertama bahawa dia menekan brek perlahan-lahan dan akhirnya memberhentikan motolorinya tidak dicabar (lihat perenggan 16).

(2) Award yang dibenarkan oleh HMS adalah berdasarkan trend semasa dan munasabah. Oleh itu, mahkamah memutuskan untuk tidak mengganggu award-award ganti rugi am tersebut. HMS telah membuat pertimbangan yang betul berasaskan kepada keterangan plaintif pertama yang mengatakan pendapatannya lebih kurang RM2,000 sebulan. Dokumen SOCSO menunjukkan gaji plaintif pertama dalam lingkungan RM2,000 sebulan. Kegagalan plaintif kedua memanggil saksi daripada PERKESO dan majikannya untuk memberi keterangan mengenai jumlah pendapatannya dan semata-mata bergantung kepada 'his bare word is insufficient'. Justeru, keputusan HMS menolak tuntutan kehilangan pendapatan plaintif kedua adalah betul (lihat perenggan 21–22).

[English summary

An accident took place between the appellants' ('plaintiffs') and the respondents' ('defendants') lorries. At the time of the accident, the first plaintiff ('SP2') followed the defendant's lorry from behind at a distance of approximately 40–50ft. The defendant's lorry had applied brake and stopped but SP2 did not see the defendant's brake lights as the defendant's lorry was hidden by load of long concrete pipes which it carried. SP2 immediately applied his brake but could not avoid it thus hitting the back of the defendant's lorry. As a result, the plaintiff's lorry was dented in the front. The plaintiff contended that as a result of the police car, driven by SD2, was reversing, the first defendant's lorry had applied sudden brake and the plaintiff's lorry which tailed from behind of the first defendant's lorry had also braked. As the concrete pipes on his lorry were heavy and long, therefore the load pushed the lorry to the front causing it collide with the back of the defendant's lorry. Hence, the plaintiffs contended that the accident was caused by the negligence of the first and third defendants. This appeal was pertaining to the findings of facts by the sessions court judge ('SCJ') who allegedly had misdirected in findings of facts. The plaintiffs appealed against the liability and quantum awarded by the SCJ.

Held, dismissing the appeal with costs of RM2,000:

(1) The plaintiff's appeal on liability was dismissed. The finding of facts by the SCJ that the first plaintiff had been totally negligent was correct and ought not to be disturbed. The SCJ made a finding of facts that due to the fact that the surrounding circumstances at the scene of the incident was bright, the first plaintiff's allegation that he did not see the defendant's lorry brake light and did not realise that the defendant's lorry stopped in

front showed that the first defendant was less careful and drove too close to the defendant's lorry. The testimony by the first defendant that the distance he first saw the police car about 100m was not challenged. Therefore, the first defendant's testimony that he applied the brake slowly and finally stopped his lorry remained unchallenged (see para 16).

(2) The award allowed by the SCJ was based on the current trend and was reasonable. Therefore the court decided to not disturb the awards for general damages. The SCJ had made correct consideration based on the first plaintiff's evidence who stated that his income was about RM2,000 a month. The SOCSO documents showed that the first plaintiff's salary was in the range of RM2,000 per month. The second plaintiff's failure to call witnesses from PERKESO and his employer to testify as to his income and merely relied on his bare words was insufficient. Hence, the decision of the SCJ, dismissing the second plaintiff's claim for loss of income, was correct (see paras 21–22).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai rayuan, lihat 6 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 271.

Kes-kes yang dirujuk

Hussein & Anor v Maiden [1970] 1 MLJ 114, MP (dirujuk)

Jalaludin Md Ali v Abd Latif Nor Rahmat [1997] 4 CLJ Supp 233, MT (dirujuk)

Mohd Tajuddin bin Salleh v Mokhari bin a/l Murgis & Anor [1993] MLJU 478; [1993] 3 CLJ 42, MT (dirujuk)

Zainuddin v Liew Pak Fun & Anor [1962] 1 MLJ 247 (dirujuk)

Inderjeet Singh (Sandu & Associates) bagi pihak perayu.
(KH Ting & Co) bagi pihak responden pertama dan kedua.
Geetha (Peguam Persekutuan, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri) bagi pihak responden ketiga.

Ahmad Nasfy PK:

[1] Perayu-perayu/plaintif-plaintif telah tidak berpuashati ke atas keseluruhan keputusan mahkamah ini yang menolak rayuan mereka dengan kos dan mengesahkan keputusan puan hakim Mahkamah Sesyen Taiping ('puan HMS') yang telah diberikan pada 31 Julai 2012.

[2] Bagi tujuan rayuan ini, perayu-perayu/plaintif-plaintif dan responden-responden/defendan-defendan masing-masing akan dirujuk

sebagai plaintif-plaintif dan defendan-defendan.

FAKTA KES

[3] Pada 5 Februari 2009 jam lebih kurang 10.40 malam di KM220.4 Lebuhraya Utara Selatan dalam arah Rawang — Kamunting berdekatan dengan susur keluar ke plaza tol telah berlaku kemalangan antara motolori No KAH 7635 yang dipandu oleh plaintif pertama dan plaintif kedua sebagai penumpang/kelendan dengan motolori No KAJ 1745 yang dipandu oleh defendan pertama dan dimiliki oleh defendan kedua.

[4] Pada masa kejadian plaintif pertama ('SP2') yang memandu motolori KAH 7635 sedang mengekori motolori defendan KAJ 1745 dari belakang dalam jarak lebih kurang 40–50 kaki. Tiba- tiba motolori defendan membrek dan berhenti. SP2 tidak nampak lampu brek defendan bernyala kerana lampu brek motolori defendan terselindung oleh muatan paip konkrit yang panjang yang diangkut oleh motolori defendan.

[5] Apabila nampak motolori defendan di hadapan tiba-tiba berhenti SP2 terus menekan brek tetapi tidak sempat mengelak lalu terlanggar bahagian belakang motolori defendan. Motolori plaintif remuk di hadapan.

[6] Menurut SP2, beliau memandu motolorinya dalam kelajuan 50–60 kmj pada masa material. Cuaca pada masa itu baik dan di tempat kejadian ada lampu jalan tetapi di tempat kejadian gelap juga kerana lampu jalan terletak jauh.

[7] Motolori plaintif dan defendan adalah dari syarikat pengangkutan yang sama iaitu Eng Joo Logistics Sdn Bhd. SP2 membuat laporan polis pada 27 April 2009 (exh P4).

[8] Pegawai penyiasat ('SP1') tiba di tempat kemalangan pada 2320 hrs. Beliau menyediakan rajah kasar (exh P2) dan merakamkan gambar (exh P3A–H). Hasil siasatan mendapati kedua-dua motolori plaintif dan defendan datang dari arah bawah menghala ke atas rajah kasar dan kedua-duanya membawa muatan yang sama iaitu gelung paip konkrit simen. Muatan paip ini lebih panjang dari badan lori. Gambar P3B menunjukkan kesan brek dan kesan tumpahan minyak di atas jalan tetapi tidak dimasukkan dalam rajah kasar.

[9] Menurut SP1 lagi tempat kejadian ada jalan susur keluar ke Tol Kamunting di sebelah kiri rajah kasar. Tempat kejadian terang kerana ada lampu jalan di sekitar kawasan tersebut dan keadaan cuaca baik.

[10] SP1 berkata terdapat dua motokar di tempat kejadian iaitu kereta polis No WPM 4956 dan sebuah motokar lain PEG 162 pada masa material. Kedua-dua motokar tersebut dimiliki oleh anggota polis sedang berhenti di situ untuk mengawal lalu lintas disebabkan terdapat satu lagi kemalangan berlaku di hadapan. Kedua-dua motokar tersebut diletakkan di bahu jalan sebelah kiri berdekatan 'guard rail' sebelum jalan susur keluar.

[11] Pada masa material motokar polis memasang lampu kecemasan berwarna biru sebagai amaran kepada kenderaan dari belakang. Sementara anggota-anggota polis menjalankan tugas mengawal trafik. Menurut siasatan SP1, pemandu motolori defendan nampak kenderaan polis di hadapan lalu memberhentikan motolorinya. Bagaimanapun motolori plaintif di belakang motolori defendan tidak sempat berhenti lalu melanggar motolori defendan dari belakang dan kedua-dua motokar anggota polis tidak terlibat dalam kemalangan ini. Motolori defendan terpaksa berhenti dengan tiba-tiba bukan disebabkan oleh motokar polis WPM 4956 sedang mengundur. Malah pemandu WPM 4956 telah pun keluar dari motokarnya dan sedang mengawal lalu lintas.

[12] Menurut defendan pertama, pada tarikh kejadian beliau memandu motolori dengan membawa muatan paip datang dari bawah k eatas rajah kasar dengan kelajuan 70kmj. Sampai dekat tempat kemalangan beliau nampak motokar polis No PWM 4956 dengan lampu kecemasan berwarna biru dipasang sedang mengundur. Manakala sebuah kereta lain No PEG 163 terletak di belakang motokar polis tersebut. Jarak mula-mula nampak lebih kurang 100 meter di hadapan. Pada masa itu beliau mula menekan brek memperlahankan motolorinya dan berhenti di belakang kedua-dua kenderaan tersebut. Dengan tiba-tiba motolori plaintif yang datang dari belakang terus melanggar bahagian belakang motolori defendan. Defendan membuat laporan polis (exh D1).

[13] Selain defendan Korporal Roslan bin Abu kassim ('SD2') mengesahkan bahawa pada tarikh kejadian beliau memang memberhentikan motokarnya No WPM 4956 dibahu jalan susur ke Tol Changkat Jering dan beliau turun dari motokarnya untuk mengawal lalu lintas di situ. Beliau ada memasang lampu kecemasan biru tetapi tidak pernah mengundur motokarnya pada bila-bila masa.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

Isu liabiliti

[14] Rayuan ini adalah berkaitan penemuan fakta oleh puan HMS. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab mahkamah di peringkat rayuan ini untuk

memeriksa keterangan saksi-saksi bagi menentukan sama ada puan HMS telah salah arah dalam membuat dapatan fakta.

[15] Dalam kes ini, isu yang dibangkitkan oleh plaintif adalah akibat motokar polis WPM 4956 yang dipandu oleh SD2 berundur menyebabkan motolori defendan pertama membrek secara tiba-tiba dan motolori plaintif yang mengekori di belakang motolori defendan pertama turut membrek. Oleh kerana muatan paip konkrit di atas motolorinya berat dan panjang maka muatan tersebut menolak motolori ke hadapan menyebabkannya berlanggar dengan bahagian belakang motolori defendan dan remuk di hadapan. Justeru kemalangan ini disebabkan oleh kecuaian defendan pertama dan ketiga.

[16] Puan HMS membuat dapatan fakta bahawa oleh kerana keadaan sekeliling di tempat kejadian terang, dakwaan plaintif pertama bahawa beliau tidak nampak lampu brek motolori defendan dan tidak perasan motolori defendan berhenti di hadapan menunjukkan plaintif pertama kurang berhati-hati dan memandu terlalu rapat dengan motolori defendan. Keterangan defendan pertama bahawa jarak mula-mula beliau nampak motokar polis lebih kurang 100 meter telah tidak dicabar. Oleh itu keterangan defendan pertama bahawa beliau menekan brek perlahan-lahan dan akhirnya memberhentikan motolorinya juga tidak dicabar. Oleh itu dapatan fakta puan HMS mendapati plaintif pertama cuai sepenuhnya adalah betul dan tidak wajar diganggu (rujuk kes *Jalaludin Md Ali v Abd Latif Nor Rahmat* [1997] 4 CLJ Supp 233, *Mohd Tajuddin bin Salleh v Mokhari bin a/l Murgis & Anor* [1993] MLJU 478; [1993] 3 CLJ 42, *Hussein & Anor v Maiden* [1970] 1 MLJ 114).

[17] Berdasarkan alasan-alasan di atas adalah diputuskan bahawa rayuan plaintif-plaintif atas liabiliti ditolak.

Isu kuantum

[18] Puan HMS telah mengawardkan kuantum ganti rugi am seperti berikut:

Plaintif pertama

(a) *closed fracture proximal third of left femur which has malunited with 1cm shortening* = RM30,000;

(b) *fracture distal third of right femur, treated with open reduction and plating* — RM20,000;

(c) *fracture left tibia plateau and close fracture of left proximal fibula whereby the left lower limb is wasted and weaker than the right* — RM30,000;

(d) *pelvic diasthesis and fracture of right inferior pubic ramus. The diathesis of the pelvic and the fracture of right inferior pubic have persisted* — RM20,000; dan

(e) *scars* — RM5,000.

Plaintif kedua

(a) *closed communited fracture of left humerus with radial nerve palsy:*

(i) *open fracture left radius with radial artery and medial nerve crush injury;*

(ii) *crush injury to left hand;* dan

(iii) *fracture left ulna staloid.*

Kecederaan-kecederaan di atas telah mengakibatkan tangan kiri plaintif kedua 'has no useful function for all practical purposes'.
Award dibenarkan RM70,000;

(b) *extensive laceration over the left thigh for the left knee with exposed left knee joint and complete loss of the lateral collateral complex, the wound have healed with scarring, the lateral ligament now has a grade 111 laxity and the knee movement are grossly restricted* — RM20,000; dan

(c) *scars* — RM8,000.

[19] Mahkamah berpendapat award yang dibenarkan oleh puan HMS adalah berdasarkan trend semasa dan munasabah. Oleh itu mahkamah memutuskan untuk tidak mengganggu award-award ganti rugi am tersebut.

GANTI RUGI KHAS

[20] Puan HMS telah membenarkan kehilangan pendapatan plaintif pertama untuk lapan bulan seperti berikut:

RM2,000 x 8 bulan = RM16,000.

Seterusnya untuk kehilangan pendapatan masa hadapan dibenarkan seperti berikut:

RM800 x 12 x 9 = RM86,400.

[21] Mahkamah berpendapat puan HMS telah membuat pertimbangan yang betul berasaskan kepada keterangan plaintif pertama yang mengatakan pendapatannya lebih kurang RM2,000 sebulan. Tidak dapat bekerja selama lebih kurang satu tahun tetapi tiada bukti dokumen untuk menyokong. Selepas itu kembali bekerja dengan syarikat yang sama dengan gaji yang lebih kurang sama sebagai kelendan. Bagaimanapun kemudiannya berhenti selepas

lebih kurang satu tahun kerana kakinya sakit. Dokumen SOCSO (exh P5) menunjukkan gaji plaintif pertama dalam lingkungan RM2,000 sebulan.

[22] Puan HMS telah menolak tuntutan kehilangan pendapatan plaintif kedua kerana menghadapi masalah untuk memahami exh P6 tentang jumlah pendapatannya. Selain itu tiada dokumen lain dikemukakan untuk menyokong pendapatannya. Mahkamah berpendapat kegagalan plaintif kedua memanggil saksi dari PERKESO dan majikannya untuk memberi keterangan mengenai jumlah pendapatannya dan semata-mata bergantung kepada 'his bare word is insufficient'. Justeru keputusan puan HMS menolak tuntutan kehilangan pendapatan plaintif kedua adalah betul (rujuk *Zainuddin v Liew Pak Fun & Anor* [1962] 1 MLJ 247).

[23] Mahkamah ini pada keseluruhannya memutuskan keputusan puan HMS berkaitan kuantum adalah dikekalkan.

KESIMPULAN

[24] Berdasarkan alasan-alasan di atas rayuan plaintif-plaintif atas liabiliti dan kuantum ditolak dengan kos sebanyak RM2,000 dibayar kepada defendan pertama dan defendan ketiga.

Rayuan ditolak dengan kos sebanyak RM2,000.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor